

Musang King, vanila alternatif tumpung kejatuhan nilai sawit

KUALA LUMPUR 13 Mei - Inisiatif kerajaan untuk melaksanakan penanaman durian Musang King dan vanila di tanah rancahan Felda dilihat sebagai alternatif mengatasi masalah kejatuhan harga produk sawit.

Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School (PBS), Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, hal itu kerana kedua-dua hasil tanaman tersebut mempunyai permintaan tinggi di pasaran antarabangsa.

“Misalnya hasil tanaman Musang King yang mendapat permintaan tinggi dari China. Harganya juga amat tinggi dan sentiasa meningkat setiap tahun mengikut musim.

“Kesukaran untuk mendapatkan vanila asli pula menyebabkan tanaman itu mendapat permintaan tinggi di pasaran antarabangsa. Kebanyakkan pengguna terpaksa menggunakan vanila sintetik dan ini mungkin boleh menjadi peluang kepada warga Felda untuk mengusahakan tanaman ini,” katanya kepada

Utusan Malaysia di sini hari ini.

Semalam, Pengurus Lemba Persubuhan Peladang, Datuk Mazlan Aliman memaklumkan tiga produk pertanian iaitu Musang King, vanila dan halia Bentong dipilih untuk ditanam di Felda Lurah Bilut sebagai sumber pendapatan kedua warga pene-roka di sana.

Mengulas lanjut, Ahmed Razman berpendapat kerajaan perlu memastikan sistem pengurusan tanaman pertanian yang baharu itu cekap dan berkesan bagi memastikan hasil keluarannya mampu memenuhi permintaan pasaran.

Katanya, pengurusan yang cekap juga mampu memastikan kualiti hasil tanaman terjamin selain mengelakkan ketidakcekapan serta pembaziran berlaku.

“Walaupun tanaman ini masih belum mampu menggantikan sawit sebagai penyumbang ekonomi utama dalam negara tetapi ia boleh dijadikan alternatif untuk menambah pendapatan warga Felda ketika ini,” katanya.



**AHMED RAZMAN
ABDUL LATIFF**